

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan yang mengikutinya.



Membaca

Sukan Regata

SARAWAK, 8 November - Regata ialah aktiviti sukan air yang amat popular dan merupakan acara tahunan di Sarawak. Menurut sejarah, sukan regata ini bermula pada tahun 1872. Perlumbaan regata masih diteruskan sehingga kini.

Bagi yang belum pernah menyaksikan Regata Sarawak, pasti akan tertanya-tanya cara sukan lumba perahu ini dikendalikan. Dalam perlumbaan ini, mempunyai sebuah pasukan yang mantap belum menjamin sebarang kemenangan. Setiap anggota perlu mempunyai semangat juang yang tinggi untuk mengalahkan lawan dan memfokuskan minda untuk bergelar juara.

Sukan regata amat digemari pada masa ini. Penyertaan dalam pertandingan sukan air ini melibatkan dua kategori, iaitu kategori tempatan dan antarabangsa. Pelbagai manfaat dapat diperoleh daripada sukan ini. Antara manfaatnya termasuklah dapat membina kekuatan fizikal seseorang dan menguji kesabaran diri. Selain itu, sukan regata ini juga dapat memupuk semangat berpasukan. Contohnya, bekerjasama dalam pasukan untuk mencapai kemenangan. Walaupun sukan regata agak mencabar, namun sukan ini sangat menyeronokkan.

(Diubah suai daripada www.utusan.com.my)

TEMA 3

Berdasarkan petikan, jawab soalan pemahaman di bawah.

1. Apakah jenis sukan air yang terkenal di Sarawak?
A. rakit
B. regata
2. Berikan maksud perkataan popular.
A. terkenal
B. saingan
3. Bilakah sukan regata di Sarawak bermula?
A. 1872
B. 1827
4. Berikan manfaat yang diperoleh daripada sukan regata.
A. Memupuk semangat berpasukan.
B. Sukan ini amat digemari oleh masyarakat.

2.1.4 Membaca untuk menjawab soalan daripada bahan bacaan.

43
KPM